

TAHAP PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM DIDIKAN KANAK-KANAK DI TASKA KEMAS

**Norjumira Abd Raof
Mohamad Shukri Ishak
Muhammad Syahfei Mohamad
Mohamad Arif Zaki Ali
Ahmad Zulfandi Ibrahim**
Kolej Universiti Islam Melaka

Abstrak

Penglibatan ibu bapa dalam didikan kanak-kanak diyakini dapat membantu perkembangan kanak-kanak di TASKA mahupun TADIKA. Namun begitu, kajian terdahulu yang telah dijalankan menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa adalah sederhana (Fauziah Hanim, et al, 2014). Hal ini disebabkan oleh faktor kesibukan ibu bapa yang kesuntukan masa. Meskipun begitu, kajian seumpamanya masih kurang dilaksanakan di negara ini. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap penglibatan ibu bapa dalam didikan kanak-kanak di TASKA KEMAS di negeri Perak. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai dan peratusan. Responden terdiri daripada 47 orang ibu bapa yang mempunyai anak-anak di TASKA KEMAS. Dapatkan kajian menunjukkan penglibatan ibu bapa daripada perspektif mereka berada pada tahap yang sederhana ($\text{min} = 3.234$, $\text{SP} = 0.757$). Penglibatan dan kerjasama daripada ibu bapa dalam didikan kanak-kanak di TASKA masih lagi sederhana dan perlu ditingkatkan untuk kepentingan perkembangan kanak-kanak. Penganjuran aktiviti dan program yang dianjurkan oleh guru hendaklah mengikut kesesuaian masa ibu bapa agar penglibatan ibu bapa dapat dikekalkan secara konsisten.

Kata Kunci: *Penglibatan Ibu Bapa, TASKA KEMAS.*

STAGE OF PARENT INVOLVEMENT IN EARLY CHILDHOOD EDUCATION AT TASKA KEMAS

Abstract

Parent involvement in Early Childhood Education is believed to support child development in nursery as well as preschool. However, previous research that has been done indicates that parents involvement was merely satisfactory (Fauziah Hanim, et al, 2014). This is due to the factor of parent's hecticness that leads to time constraints. Although the situation is as such, research on this particular issue is limited in this country. As such, this research was carried out to look into the level of parent involvement in TASKA KEMAS in the state of Perak. This research is a quantitative research that utilized questionnaire instruments and analyzed using descriptive statistics such as mean, standard deviation and percentage. Respondents involved were 47 parents who have a child in TASKA KEMAS. Research findings indicated that parent involvement from their perspective were satisfactory level ($\text{min} = 3.234$, $\text{SP} = 0.757$). Involvement and cooperation from parents in the education of children in TASKA is still merely satisfactory and needs to be increased for the benefit of child development. The organization of activities and programs organized by teachers should be in accordance with the appropriateness of parental time so that parental involvement can be maintained consistently.

Keywords: *Parental Involvement, TASKA KEMAS.*

Pengenalan

Tahap Penglibatan Ibu Bapa dalam Didikan Kanak-Kanak di Taska Kemas

Norjumira Abd Raof, Mohamad Shukri Ishak, Muhammad Syahfei Mohamad, Mohamad Arif Zaki Ali & Ahmad Zulfandi Ibrahim

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah merujuk kepada penyertaan serta keterlibatan ibu bapa dalam perkembangan kanak-kanak bukan sahaja di rumah malahan juga penglibatan ibu bapa di TASKA atau TADIKA (Fantuzzo, J., et al, 2013). Berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017), penglibatan ibu bapa telah diterapkan. Penerangan tentang kurikulum Prasekolah dan pelaksanaannya kepada ibu bapa atau penjaga perlu diadakan bagi mewujudkan kesedaran tentang pendidikan Prasekolah dan kerjasama untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar serta berkesan. Perkongsian maklumat antara guru dengan ibu bapa atau penjaga untuk membantu pembelajaran kanak-kanak dan memastikan kesinambungan pengajaran dan pembelajaran dari sekolah ke rumah dan sebaliknya. Hubungan yang baik antara Prasekolah mahupun TASKA atau TADIKA dengan ibu bapa atau penjaga membantu memberi pengajaran yang bermakna dan memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran kanak-kanak.

Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti berkaitan kanak-kanak adalah dikaitkan dengan peningkatan tingkah laku dan pencapaian akademik kanak-kanak di TASKA. Penglibatan ibu bapa menggalakkan kawalan sosial, iaitu set peraturan yang konsisten mengenai tingkah laku yang sesuai yang dapat disampaikan kepada kanak-kanak di rumah dan di TASKA. Penglibatan ibu bapa juga meningkatkan modal sosial ibu bapa iaitu, kemahiran berkaitan TASKA dan maklumat mereka, membolehkan mereka memberi lebih banyak bantuan kepada kanak-kanak dalam akademik, Brown dan Beckett (2007). Menurut Hilado et. al (2011), wujudnya persidangan ibu bapa, menggalakkan ibu bapa menghadiri secara sukarela merupakan bentuk penglibatan ibu bapa adalah kepentingan untuk memulakan penggalakkan serta kesedaran berkaitan pentingnya penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak. Hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penglibatan ibu bapa daripada perspektif ibu bapa dalam didikan kanak-kanak di TASKA KEMAS, Perak.

Latar belakang

Tiga tahun pertama dalam kehidupan kanak-kanak adalah sangat kritikal, terutama dalam pembentukan sahsiah, kemahiran sensorimotor dan intelek (Kurikulum Permata Negara, 2013). Justeru, TASKA yang berkualiti merupakan entiti terpenting dalam pendidikan awal kanak-kanak kerana terdapat bukti-bukti kukuh yang menghubungkaitkan dengan pengalaman pendidikan awal dengan domain perkembangan mereka (Tsao, 2015). Pusat asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak adalah satu istilah yang diguna pakai untuk semua jenis pendidikan dan perkhidmatan penjagaan awal kanak-kanak (Phillips dan Lowenstein, 2011). Jeunes (2011), mendefinisikan penglibatan ibu bapa sebagai penyertaan aktifdiri mereka dalam pembelajaran kanak-kanak. Menurut Yoder dan Lopez (2013), mentakrifkan penglibatan ibu bapa sebagai komunikasi antara rumah dengan sekolah, menyokong pembelajaran kanak-kanak, menyertai aktiviti sekolah dan boleh bersuara untuk membuat keputusan dalam pentadbiran sekolah.

Kurikulum PERMATA Negara turut menekankan kepada kolaboratif dengan ibu bapa dan komuniti. Peranan ibu bapa menjadi kepentingan dalam aktiviti pengasuhan dan pendidikan anak-anak mereka bukan sahaja di rumah malah di TASKA. Penglibatan ibu bapa yang berterusan dapat membantu pembelajaran di TASKA kerana ibu bapa tergolong daripada pelbagai pengalaman dan kepakaran yang boleh dikongsikan bersama kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa juga akan melahirkan rasa kepunyaan, menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh guru kepada anak-anak mereka. Bukan sahaja penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan malah ibu bapa juga dikehendaki membantu guru dalam aspek pengurusan dan pembelajaran kanak-kanak. Tujuan kolaboratif dengan ibu bapa adalah ibu bapa dan guru mestilah saling mengenali dan sentiasa berhubung untuk memastikan kesejahteraan kanak-kanak semasa berada di TASKA. Hubungan baik antara ibu bapa dan guru akan mengurangkan salah faham atau pertelingkahan dan juga dapat menimbulkan rasa sayang dan hormat pada guru dan TASKA. Sokongan daripada ibu bapa akan memberi semangat kepada guru di TASKA untuk meningkatkan pencapaian kanak-kanak.

Hal ini turut digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2015) berkaitan kerjasama ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas. Anjakan ke sembilan menekankan

kerjasama ibu bapa di mana setiap ibu bapa akan menjadi rakan yang aktif dalam proses pembelajaran kanak-kanak, bukan sahaja melalui aktiviti yang lazim seperti hari sukan dan hari penyerahan kad laporan, tetapi juga menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang menyediakan maklum balas tentang hal ehwal pengurusan berdasarkan sekolah. Di samping itu, penggunaan sarana ibu bapa juga menyokong pembelajaran kanak-kanak. Sekolah juga akan mempunyai rangkaian masyarakat dan sektor swasta sebagai rakan yang mampu memberikan sumbangan kepakaran kepada kemajuan sekolah. Penglibatan semua pihak berkepentingan ini akan mewujudkan ekosistem pembelajaran yang menegaskan pengajaran ilmu, kemahiran dan nilai kepada kanak-kanak di sekolah.

Sorotan Literatur

Kajian yang dijalankan oleh Fauziah Hanim Jalal, et.al (2014), bertujuan untuk mengenal pasti jenis aktiviti yang disertai dan persepsi penglibatan dan halangan dalam penglibatan ibu bapa di Pusat Anak Permata Negara (PAPN). Tiga buah pusat iaitu luar bandar, pinggir bandar dan bandar dari dua buah negeri dan seramai 102 ibu bapa telah dipilih 41 menggunakan persampelan berstrata. Kaedah kajian ini adalah berbentuk tinjauan dan di analisis menggunakan kaedah deskriptif bagi mendapatkan min, kekerapan dan peratusan. Hasil kajian mendapati pusat telah mengadakan banyak aktiviti mengikut keperluan ibu bapa, namun majoriti ibu bapa terlibat dalam mesyuarat bulanan dan aktiviti dua jam setiap minggu. Penglibatan ibu bapa masih berada pada tahap yang sederhana kerana mereka kesuntukan masa dengan sibuk bekerja.

Maziah Ahmad & Saemah Rahman (2015), kajiannya bertujuan untuk meneroka penglibatan ibu bapa sebagai strategi yang boleh mempengaruhi pertumbuhan yang sihat dan tingkah laku yang sihat berkaitan dengan kesihatan kanak-kanak. Kajian ini adalah program pendidikan kesihatan yang melibatkan 40 orang ibu bapa di Pusat Pendidikan Awal kanak-kanak sebagai responden. Reka bentuk kajian adalah berdasarkan quasi-eksperimen dan data dikumpul menggunakan rakaman video, gambar, rekod anekdot dari pemerhatian sebelum, semasa dan selepas program dilaksanakan, maklum balas dari ibu bapa berkaitan indeks berat badan (BMI) kanak-kanak. Data tersebut di analisis dengan menggunakan SPSS versi 13.0. Jumlah kanak-kanak dan ibu bapa dalam kajian ini seramai 40 orang (57.14%) yang terlibat secara konsisten (secara berterusan dan aktif) sebelum program bermula, selepas 4 bulan dan selepas 8 bulan. Sementara itu, 30 orang ibu bapa (42.86 %) tidak terlibat sepanjang kajian tetapi membenarkan anak-anak mereka untuk menyertai program Pendidikan Kesihatan yang dilaksanakan oleh Prasekolah. Jumlah kanak-kanak yang terlibat dalam kajian adalah 70 orang, iaitu gabungan bilangan kanak-kanak dengan penglibatan ibu bapa dan tanpa penglibatan ibu bapa. Ibu bapa yang kurang terlibat dengan kajian ini adalah ibu bapa kepada kanak-kanak yang berumur 3 hingga 5 tahun (10.00%), diikuti ibu bapa kanak-kanak berumur 4 tahun (17.14%) dan jumlah yang paling ramai adalah kanak-kanak berumur 6 tahun (20.00%).

Menurut Paezah dan Faridah (2016), kajiannya bertujuan memperincikan berkenaan pengetahuan tentang penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak prasekolah berdasarkan kajian-kajian lepas. Kepentingan penglibatan ibu bapa dikemukakan untuk menjelaskan pentingnya penglibatan dan penyertaan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa bersama anak-anak dalam aktiviti pembelajaran sebenarnya memudahkan ibu bapa dalam memahami konsep sebenar pembelajaran di Prasekolah serta membantu membimbing dan mendidik anak-anak dalam pembelajaran. Selain itu, keterlibatan tersebut dapat membantu ibu bapa untuk mengetahui tahap perkembangan dan kemahiran anak-anak serta membantu untuk meningkatkan mutu pembelajaran anak-anak. Ibu bapa yang sering terlibat dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di Prasekolah juga akan lebih memahami kurikulum dan aktiviti yang dipelajari oleh kanak-kanak. Di samping itu, komunikasi yang akrab antara

ibu bapa dengan guru dapat membantu kanak-kanak dalam pendidikan mereka. Keterlibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak-anak di prasekolah membantu ibu bapa untuk berkongsi sebarang masalah berkaitan dengan pembelajaran dan keupayaan kanak-kanak di sekolah.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah soal selidik telah dipilih sebagai instrumen untuk pengumpulan data. Seramai 47 orang ibu bapa yang mempunyai anak-anak di TASKA KEMAS telah dipilih sebagai responden. Soal selidik yang diedarkan kepada responden dan pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan perisian statistik SPSS yang di analisis secara deskriptif. Pengukuran yang digunakan dalam buku soal selidik adalah menggunakan Skala Likert yang terdiri daripada 4 bentuk pilihan jawapan iaitu 1: tidak pernah (TP), 2 : jarang-jarang (JJ), 3 : kadang-kadang (KK), 4 : kerap (K). Soal selidik yang digunakan mengandungi 10 item berkaitan penglibatan ibu bapa di TASKA yang memerlukan maklum balas daripada responden yang terdiri daripada ibu bapa. Data ditafsirkan kepada min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan.

Dapatan

Dapatan kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 1.1 yang dikategorikan kepada tiga tahap iaitu tahap tinggi, sederhana dan rendah berdasarkan interpretasi skor min.

Jadual 1.1

Nilai Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi bagi Tahap Penglibatan Ibu Bapa dari Perspektif Ibu Bapa di TASKA KEMAS.

Perkara	Min	SP	Interpretasi
1. Saya melibatkan diri dalam kerja sukarela yang dianjurkan oleh TASKA anak saya (cth.: membuat bahan bantu mengajar, menjana sumber kewangan).	3.04	.884	Sederhana
2. Saya memberi kerjasama dalam aktiviti di TASKA.	3.15	.955	Sederhana
3. Saya memberi sumbangan kepada TASKA anak saya. (cth.: bantu mengajar, kewangan, peralatan).	2.96	.833	Sederhana
4. TASKA anak saya menganjurkan program keibubapaan.	3.45	.775	Sederhana
5. TASKA anak saya menyediakan bantuan untuk keluarga yang memerlukan. (cth.: kewangan, khidmat nasihat keibubapaan, peralatan).	2.60	1.056	Sederhana
6. Saya melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan (cth.: Hari Graduasi, lawatan, Hari Sukan).	3.89	.312	Tinggi
7. Saya memastikan wujud kesinambungan pembelajaran kanak-kanak dari TASKA ke rumah.	3.55	.653	Sederhana
8. Saya memberi idea untuk penambahbaikan TASKA anak saya .	3.53	.584	Sederhana
9. Saya menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Pendidik/Guru (PIBP/PIBG) TASKA anak saya.	3.70	.462	Tinggi
10. TASKA anak saya membuat keputusan berkaitan perkembangan kanak-kanak bersama-sama ibu bapa.	2.47	1.060	Sederhana
Penglibatan ibu bapa dari perspektif ibu bapa (Keseluruhan)	3.234	.757	Sederhana

Jadual 1.1 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi penglibatan ibu bapa dari perspektif ibu bapa di TASKA KEMAS. Didapati julat min bagi penglibatan ibu bapa dari perspektif ibu bapa adalah antara 2.47 hingga 3.89. Hasil analisis bagi aspek penglibatan ibu bapa dari perspektif ibu bapa menunjukkan tahap keseluruhan bagi tahap penglibatan ibu bapa dari perspektif ibu bapa di TASKA KEMAS adalah di tahap sederhana iaitu dengan nilai 3.234 ($sp = 0.757$).

Hasil analisis menunjukkan hanya dua item sahaja berada pada tahap yang tinggi dalam penglibatan ibu bapa dari perspektif ibu bapa. Item-item tersebut adalah saya melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh TASKA anak saya (cth.: Hari Graduasi, lawatan, Hari Sukan) dengan nilai min 3.89 dan saya menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Pendidik/Guru (PIBP/PIBG) TASKA anak saya dengan nilai min 3.70. Manakala sebanyak lapan item didapati berada pada tahap sederhana dalam penglibatan ibu bapa dari perspektif ibu bapa di TASKA KEMAS. Item-item tersebut adalah saya melibatkan diri dalam kerja sukarela yang dianjurkan oleh TASKA anak saya (cth.: membuat bahan bantu mengajar, menjana sumber kewangan) dengan nilai min 3.04, saya memberi kerjasama dalam aktiviti di TASKA dengan nilai min 3.15, saya memberi sumbangan kepada TASKA anak saya. (cth.: bahan bantu mengajar, kewangan, peralatan) dengan nilai min 2.96 dan TASKA anak saya menganjurkan program keibubapaan dengan nilai min 3.45. Item seterusnya yang berada pada tahap sederhana adalah TASKA anak saya menyediakan bantuan untuk keluarga yang memerlukan. (cth.: kewangan, khidmat nasihat keibubapaan, peralatan) nilai min 2.60, saya memastikan wujud kesinambungan pembelajaran kanak-kanak dari TASKA ke rumah dengan nilai min 3.55, saya memberi idea untuk penambahbaikan TASKA anak saya dengan nilai min 3.53 dan TASKA anak saya membuat keputusan berkaitan perkembangan kanak-kanak bersama-sama ibu bapa. (min 2.47).

Perbincangan

Pada keseluruhannya, tahap penglibatan ibu bapa dari perspektif ibu bapa di TASKA dalam kajian ini adalah berada pada tahap yang sederhana dengan nilai min 3.234 dan sisihan piawai 0.757. Ini dapat dirujuk melalui Jadual 1.1. Hasil analisis demografi ibu bapa menunjukkan bahawa seramai 47 orang responden yang terdiri daripada bilangan ibu seramai 40 orang iaitu 85.1% berbanding bilangan bapa hanya tujuh orang iaitu 14.9%. Hasil dapatan daripada borang soal selidik menunjukkan bahawa sebilangan besar ibu bapa menjawab soalan yang dikemukakan adalah pada tahap yang sederhana berdasarkan nilai min dan sisihan piawai. Secara keseluruhannya, tahap penglibatan ibu bapa dari perspektif ibu bapa di TASKA KEMAS adalah berada pada tahap yang sederhana.

Dapatan kajian ini turut menyokong kajian yang dijalankan oleh Kendall (2012), dan juga kajian Paezah dan Faridah (2016), dimana kepentingan penglibatan ibu bapa dikemukakan untuk menjelaskan pentingnya penglibatan dan penyertaan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa bersama anak-anak dalam aktiviti pembelajaran sebenarnya memudahkan ibu bapa dalam memahami konsep sebenar pembelajaran di TASKA mahupun prasekolah serta membantu membimbing dan mendidik anak-anak dalam pembelajaran.

Kajian Fagbeminiyi (2011) pula adalah berkaitan penyelesaian kepada peranan ibu bapa terhadap Pendidikan Awal Kanak-kanak. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan prestasi kanak-kanak dan persekitaran dengan prestasi kanak-kanak di sekolah malah penglibatan ibu bapa masih lagi kurang memberangsangkan. Oleh yang demikian, ibu bapa yang sering terlibat dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di TASKA akan lebih memahami kurikulum dan aktiviti yang dipelajari oleh kanak-kanak. di samping itu juga, kajian ini menyokong kajian Rohaty Mohd. Majzub dan Elis Johannes Hendry Salim (2011), yang menjalankan kajian berkaitan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan Prasekolah dan menjadikan Teori Epstein sebagai panduan. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa berada pada tahap yang rendah. Oleh hal yang demikian, pihak berkuasa perlu memain peranan dalam meningkatkan program keibubapaan serta menggalakkan majikan memberi masa untuk ibu bapa melibatkan diri dalam aktiviti atau program di TADIKA mahupun TASKA.

Rumusan

Secara keseluruhan kajian ini, dapatan mendapati bahawa tahap penglibatan ibu bapa dari perspektif ibu bapa di TASKA KEMAS berada pada tahap yang sederhana dalam setiap penyertaan program mahupun aktiviti yang melibatkan ibu bapa. Kebanyakan ibu bapa melibatkan diri dalam setiap aktiviti tetapi pada masa-masa yang tertentu sahaja kerana ibu bapa mempunyai kekangan masa oleh kerana sibuk bekerja. Ibu bapa perlu mempunyai kesedaran tentang kepentingan terhadap penglibatan dan kerjasama ibu bapa dalam setiap aktiviti mahupun program yang dijalankan di TASKA. Apabila ibu bapa mempunyai kerjasama dengan TASKA dan sering terlibat dengan program serta aktiviti yang dijalankan, ibu bapa akan lebih memahami dan mengetahui tentang keperluan dan kepentingan setiap kanak-kanak di TASKA. Justeru, kepentingan kerjasama keluarga dan guru yang kuat dan kuasa masyarakat secara positif mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak adalah nilai-nilai yang menyatukan kita semua dalam pendidikan awal kanak-kanak (DeJong dan Burtan ,2013).

BIBLIOGRAFI

- Brown, H. L. & Beckett, S. K. (2007). *Parent Involvement : Support or Partnership?* Jstor, African American : Peter Lang AG.
- Creswell, J.W. (2011). *Controversies in Mixed Method Research*. In N.K. Denzin., & Y.S. Lincoln.
- Dejong, L. & Burton, M. W. (2013). *Strengthen Family – Teacher Partnerships and Build Community*. National Association for the Education of Young Children (NAEYC).
- Fagbeminiyi, F. F. (2011). The Role of Parent in Early Childhood Education: A Case Study of Ikeja, Lagos State, Nigeria. *Global Journal of Human Sosial Science*, 11(2), USA.
- Fantuzzo, J., Gadsden, V., Li, F., Sproul, F., McDermott, P., Hightower, D., & Minney, A. (2013). Multiple dimensions of family engagement in early childhood education: evidence for a short form of the family involvement questionnaire. *Early Childhood Research Quarterly*, 28, 734-742.
- Fauziah Hanim Jalal, Fairuz Ain Harun, Noraini Ismail dan Nazariah Abd Samad. (2014). Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak di Pusat Anak PERMATA Negara. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* 3(1), 36-61.
- Hilado, A., Kallemeijn, L., Leow, C., Lundy, M., & Israel, M. (2011). Supporting child welfare and parent involvement in preschool programs. *Early Childhood Education Journal*, 39, 343-353.
- Jabatan Perdana Menteri. (2013). *Kurikulum PERMATA Negara: Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak 0-4 Tahun. Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA)*. Cetakan ke-3. Cyberjaya, Selangor. Malaysia: Bahagian Pembagunan Kurikulum.
- Jeynes, W. H. (2011). *Parental Involvement and Academic Success*. Abingdon, England: Taylor & Francis.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025*. Kementerian pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2017. Bahagian Pembangunan Kurikulum*.
- Kendall, L. J. (2012). *Increasing Parental Involvement in Early Childhood Education*, University of South Florida.
- Maziah Ahmad Marzuki & Saemah Rahman. (2015). Parental Involvement: A Strategy that Influences a Child's Health Related Behaviour. *Health Science Journal*. 10(1). Universiti Kebangsaan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Paezah Abd. Halim, & Faridah Yunus. (2016). Kepentingan Penglibatan Ibu Bapa dalam Aktiviti Pembelajaran Kanak-kanak di Prasekolah. *E-Prosing Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2017) Jilid 1*. Kolej Universiti Islam Selangor.
- Phillips, D., & Lowenstein, A. (2011). *Early care, education, and child development. Annual Review of Psychology*, 62.
- Rohaty Mohd. Majzub & Elis Johannes Hendry Salim. (2011). Parental involvement in selected private preschools in Tangerang, Indonesia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 15, 4033-4039.
- Tsao, C. (2015). *Predicting Infant/Toddler Social-Emotional Outcomes from Intrapersonal Caregiver Characteristics and Child Care Quality*. Dicapai daripada <https://escholarship.org/uc/item/90k825js>.
- Yoder, J. R., & Lopez, A. (2013). Parent's Perceptions of Involvement in Children's Education: Findings from a Qualitative Study of Public Housing Residents. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 30(5), 415-433.

*Tahap Penglibatan Ibu Bapa dalam Didikan Kanak-Kanak di Taska Kemas
Norjumira Abd Raof, Mohamad Shukri Ishak, Muhammad Syahfei Mohamad, Mohamad Arif Zaki Ali
& Ahmad Zulfandi Ibrahim*